

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 11 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Peniaga perlu patuhi syarat

*11/11/16
Shah Alam*

SHAH ALAM - Kebenaran menjalankan perniagaan di bahu jalan sedang dipertimbangkan Kerajaan Negeri membabitkan beberapa syarat wajib dipatuhi peniaga bagi mengelakkan masalah lalu lintas.

Exco Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, setakat ini, pihak berkuasa tempatan tidak membenarkan peniaga menjalankan aktiviti perniagaan di simpang jalan, tempat letak kereta, jalan persiaran, hadapan sekolah dan lorong belakang.

"Walaupun bagaimanapun, aktiviti perniagaan di bahu jalan boleh dipertimbangkan jika tidak menghalang lalu lintas atau laluan awam serta tidak membahayakan peniaga juga orang awam di lokasi dipohon.

"Peniaga diberikan kelulusan secara permit dengan syarat lokasi perniagaan perlu 40 meter daripada pagar sekolah, sembilan meter daripada persimpangan jalan dan 3.6 meter daripada pili bomba," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan ADN Jeram, Amiruddin Setro berkenaan pendekatan Kerajaan Negeri kepada peniaga di bahu jalan.

Selain itu, bagi tujuan kawalan dan perancangan lebih teratur, PBT turut menyediakan tapak penjaja di seluruh kawasan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

"Lokasi berniaga juga bukan di jalan utama dan penjualan harus secara bungkus serta tidak meninggalkan barangan perniagaan selepas tempoh perniagaan," katanya.